

13/07/1999

Pemimpin Pas seperti `tin kosong`

KEMAMAN, Isnin - Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman hari ini menyifatkan kepemimpinan Pas sebagai `tin kosong` yang sengaja membuat dakwaan, tohmahan dan mencari kutukan terkeji untuk digelarkan kepada pemimpin Umno.

Katanya, pemimpin Pas kini berusaha keras mencari gimik politik terbaru supaya mereka popular, sedangkan pemimpin Umno tidak mempunyai masa untuk perkara itu.

"Semua tuduhan Pas yang dilemparkan kepada pemimpin Umno, khususnya Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebenarnya layak diberikan kepada pemimpin mereka sendiri," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mendengar taklimat dan mengadakan pertemuan dengan kakitangan Petronas Wilayah Timur di Kerteh, di sini, hari ini.

Taklimat hampir sejam itu diberikan oleh Pengurus Besar Petronas Wilayah Pantai Timur, Abdul Jalil Hassan.

Mengenai pelbagai dakwaan diberikan kepada Dr Mahathir oleh pemimpin Pas, terutama Presidennya, Datuk Fadzil Noor, beliau berkata, pemimpin Pas itu asyik beretorik dan tiada ada kerja, selain memburukkan pemimpin negara.

"Pemimpin Umno tidak mempunyai masa untuk mencari gimik politik dengan mencari kutukan terbaru untuk diberikan kepada seseorang kerana kita memikirkan soal pembangunan negara.

Sehubungan itu, beliau yang juga Menteri Di Jabatan Perdana Menteri mahu rakyat negara ini membuat penilaian mengenai kemampuan pemimpin pembangkang untuk mentadbirkan negara.

Menurutnya, Dr Mahathir sudah memperlihatkan kemampuannya membangunkan negara, bangsa dan agama serta mampu menyatukan rakyat bagi membolehkan kerajaan yang ada kuat dan stabil.

"Berdasarkan dakwaan, tohmahan dan kutukan yang dikeluarkan pemimpin pembangkang ke atas Dr Mahathir, saya rasa pemimpin Pas layak mendapat gelaran itu," katanya.

Siti Zaharah juga mengingatkan kakitangan Petronas supaya mengelakkan nama baik syarikat itu dicemarkan segelintir pihak yang tidak bertanggungjawab.

Katanya, semua kakitangan perlu menjaga nama baik syarikat petroleum nasional itu kerana ketika ini Petronas mempunyai nama baik di dalam negara dan antarabangsa.

"Jika ada mana-mana pihak menggunakan nama Petronas (tidak baik), kita mesti bertindak menghalangnya," katanya.

(END)